

Kos bawa pulang jemaah ditahan di Saudi

Kerajaan belanja RM500 seorang

Oleh Mona Ahmad dan Ahmad Fiesal Othman

BH 23 MAR 2000

SELANG, Khamis – Kerajaan menanggung kos penghantaran pulang 340 jemaah yang ditahan di Pusat Tahanan Sementara Tarhill, di Jeddah kerana tinggal melebihi tempoh di Arab Saudi, baru-baru ini.

Campur tangan Kerajaan Malaysia juga menyebabkan pihak berkuasa Arab Saudi membebaskan jemaah berkenaan tanpa tindakan lanjut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata kerajaan membelanjakan RM500 bagi setiap jemaah terbabit untuk tambang penerbangan pulang menggunakan pesawat sewa khas.

“Biasanya, pesawat penerbangan sewa khas diarahkan balik kosong kerana lapangan terbang haji ditutup beberapa hari sebelum Hari Wukuf. Bagaimanapun, dalam kes ini, kerajaan Arab Saudi memberi peluang kepada kita (membawa pulang jemaah terbabit).

“Harga penerbangan itu agak murah kerana ia adalah kapal terbang sewa khas,” katanya kepada pemberita selepas menyambut kumpulan pertama jemaah haji Ma-

laysia, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini.

Seminggu selepas Aidilfitri lalu, 340 rakyat Malaysia ditahan dalam operasi besar-besaran pihak berkuasa Arab Saudi ke atas rakyat asing yang menggunakan visa umrah untuk menunaikan haji musim ini.

Mereka, bersama beribu-ribu rakyat negara lain seperti Pakistan, Indonesia dan India ditahan kerana tiada dokumen haji yang sah. Bagaimanapun, herbanding warga negara lain, jemaah Malaysia itu diberi layanan agak baik termasuk ditempatkan di pusat tahanan berben-tuk asrama.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menanggung segala kos jemaah haji yang ditahan berikutan menggunakan visa umrah untuk mengerjakan haji.

Perdana Menteri turut mendedahkan ada fitnah kononnya beliau mengeluarkan arahan supaya Arab Saudi menangkap rakyat Malaysia yang menggunakan visa umrah untuk menunaikan haji baru-baru ini.

Dalam hubungan ini, Abdul Hamid berkata Malaysia akan meminta bantuan kerajaan Arab Saudi memberi penjelasan bahawa operasi berkenaan bukan kerana tekanan mana-mana pihak.

“Tuduhan mengatakan kerajaan kita mengarahkan Arab Saudi menangkap jemaah Malaysia yang menyalahgunakan visa umrah untuk haji adalah fitnah dan” tidak berasas.

“Arab Saudi menjalankan undang-undang negara mereka dan kerajaan tidak langsung campur tangan. Malah, Perdana Menteri sendiri membuat keputusan supaya kos kepulangan mereka ke tanah air ditanggung kerajaan,” katanya.

Beliau menasihatkan umat Islam negara ini yang bakal mengerjakan haji supaya pergi ke Tanah Suci menggunakan Tabung Haji atau agensi pelancongan yang diantik bagi mengelak perkara yang tidak diinginkan.

“Kita ada terima laporan ada jemaah yang mengikut pakej di luar Tabung Haji menerima layanan tidak seperti dijanjikan seperti kediaman sepatut-

nya menampung lapan orang didiami 18 orang.

“Jangan ingat yang pergi dengan swasta lebih murah dan selesa. Ada yang membayar lebih mahal daripada pakej ditawarkan oleh Tabung Haji,” katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, Arab Saudi sentiasa memantau kuota jemaah haji dan lazimnya apabila ada lebihan dari negara lain, mereka mengagihkannya kepada negara yang memerlukan.

“Dakwaan bahawa Indonesia mempunyai kuota lebih tidak tepat kerana sejak enam tahun lalu, Indonesia memenuhi semua kuota mereka. Bagi musim haji ini, Indonesia ada lebihan 10,000 kuota tetapi Arab Saudi tidak sempat mengagihkannya kerana kesuntukan masa,” katanya.

Sementara itu, 399 jemaah haji dari kumpulan pertama selamat tiba di KLIA jam 1.30 petang. Pada musim haji ini, 72 jemaah Malaysia meninggal dunia di Tanah Suci termasuk 36 orang yang mati sebelum sempat mengerjakan wukuf, kebanyakannya warga tua.